

SYABAS digesa lebih pantas bertindak

➔ Bekalan air bersih cukup perlu disediakan kepada pengguna terjejas

Oleh Irwan Shafrizan Ismail dan Fahmy Azril Rosli

bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Orang ramai mendesak Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) supaya lebih cekap dalam usaha memastikan tiada gangguan air termasuk air yang berkeladak dan berbau.

Air berkeladak dan berbau bukan perkara baharu bagi beberapa kawasan yang kerap mengalami masalah itu hingga menjejaskan rutin harian.

Sekiranya berlaku gangguan, SYABAS perlu membekalkan air bersih secukupnya kepada pengguna terjejas.

Dalam kejadian gangguan bekalan air terbaru yang berpunca daripada penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih sebanyak tiga kali sejak Khamis lalu, penduduk di kawasan terjejas

mendakwa bekalan air bersih yang dihantar menggunakan lori tangki tidak mencukupi.

Tinjauan di Putrajaya dan Bandar Baru Bangi, semalam, mendapati rata-rata penduduk kecewa dengan masalah berkenaan dan menuding jari kepada SYABAS. Mereka mahu pihak berkaitan bertindak dengan cekap bagi mengelak masalah yang sama berulang.

Maklum masa

Penduduk Presint 11 Putrajaya, Carlos Basri, 52, berkata SYABAS sepatutnya memaklumkan masalah lebih awal supaya penduduk boleh menyimpan air.

Katanya, kebanyakan penduduk hanya dapat makluman mengenai bekalan air terjejas pada Jumaat lalu, sekali gus menyebabkan mereka tidak sempat untuk menyimpan air sehingga terpaksa membeli air mineral.

"SYABAS sepatutnya menangani masalah pencemaran air ini lebih

awal, dan bukan sehingga menjejaskan penduduk yang terpaksa berdepan masalah air berbau dan berkeladak. Cuma hari ini (semalam) bekalan air semakin pulih cuma berbau klörin yang agak kuat.

"Air berkeladak dan berbau bukan masalah baharu kerana saya kerap mengalaminya sejak tinggal di sini pada 2001. Namun, biasanya bila ada aduan, baru ada tindakan pihak berwajib," katanya.

Pengusaha restoran di Presint 8, Abdul Kaber Abdul Rahman, 43, berkata dia terpaksa memasang penapis air di premisnya yang berharga RM1,000 selepas pelanggan memberitahu air minuman berbau.

"Air mula berbau sejak Jumaat

lalu dan kelmarin (Sabtu), bau berkurangan tetapi berkeladak menyebabkan saya terpaksa membeli stok air mineral," katanya.

Pesara, Hasnan Abdul Malik, 62, dari Seksyen 4 Bandar Baru Bangi, berkata penduduk sudah berkali-

kali memaklumkan kepada SYABAS supaya menghantar lori tangki tetapi pihak berkenaan gagal berbuat demikian.

"Tindakan itu sudah semestinya tidak profesional kerana tiada tindakan susulan yang tersusun pihak berkaitan apabila berlakunya gangguan bekalan air.

"Mereka sepatutnya menyediakan lebih banyak lori tangki yang meliputi semua kawasan terjejas, dan bukan hanya menunggu aduan," katanya.

Timbalan Pengerusi Surau Al-Kauthar Seksyen 9 Bandar Baru Bangi, Zulkifli Salleh, mendakwa sepanjang tempoh gangguan bekalan air sejak tiga hari lalu, tiada lori tangki menghantar bekalan air ke kawasan itu.

"Walaupun kadangkala ada air sepanjang tempoh itu, tetapi air mengeluarkan bau masam. Air berbau seperti ini (bau masam) kali pertama berlaku di sini," katanya.

Info	Loji rawatan air → LRA Semenyih ditutup kali pertama pada jam 5:30 petang Khamis lalu, penutupan kedua jam 1.30 tengah hari	→ Penutupan berpunca daripada bau tidak dikenal pasti berukuran amat tinggi (12 TON) dalam air mentah Sungai Semenyih (ukuran bau normal ialah 0 TON)	→ LRA Semenyih beroperasi semula pada jam 2.30 petang Sabtu	Kawasan masih mengalami gangguan bekalan air → Daerah Hulu Langat meliputi Bangi, Bandar Bukit Mahkota, Kajang, Semenyih dan Rinching	→ Daerah Kuala Langat meliputi Morib, Banting, Bandar Saujana Putra, Bandar Rimbau dan Telok Panglima Garang	→ Daerah Petaling di USJ 1-27, Puchong, Seri Kembangan dan Serdang	→ Daerah Sepang meliputi Putrajaya, Cyberjaya, Bandar Nusantara Putra, Putra Heights, Pulau Meranti, Kota Warisan, Bandar Bukit Puchong dan Sungai Merab
-------------	---	---	---	---	--	--	--

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Orang ramai mengambil air dari lori tangki SYABAS.



Hasnan mengangkat bekalan air yang diambil di rumah saudaranya di Jalan Reko, Kajang ekoran masalah air yang melanda perumahan di sekitar Seksyen 4, Bangi.

Pencemaran Sungai Lalang punca gangguan bekalan air

➔ Sampel diuji untuk kenal pasti kandungan bahan cemar

Oleh Khairul Azran Hussin dan Irwan Shafrizan Ismail

bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Pencemaran Sungai Lalang di kawasan perindustrian Hi-Tech, Semenyih, dipercayai punca gangguan bekalan air bersih kepada kira-kira 1.3 juta pengguna di sekitar Lembah Klang sejak beberapa hari lalu.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor, Amin Lin Abdullah, berkata sampel air dari kawasan itu sedang diuji dengan kerjasama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk mengenal pasti kandungan bahan cemar.

“Punca awal pencemaran kita dapat kenal pasti dari Sungai Lalang berdekatan kawasan perindustrian Hi-Tech... cuma kita belum dapat kenal pasti jenis cecair kimia yang dikeluarkan dan dari kilang yang terbabit.

“Bahan cemar dari Sungai Lalang ini kemudian mengalir ke

Sungai Semenyih yang menyebabkan berlaku masalah di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih yang terpaksa ditutup tiga kali,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Keputusan ujian sampel air

Amin Lin berkata, keputusan ujian sampel air dijangka diperoleh minggu ini.

“Kita belum dapat mengesahkan sama ada pencemaran itu dilakukan secara sengaja atau berlaku kebocoran tanpa disedari sehingga siasatan selesai.

“Kami sedar pencemaran kerap berlaku di sepanjang Sungai Semenyih. Jadi, siasatan lebih meluas perlu untuk mengenal-pasti dalangnya sebelum mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka,” katanya.

Di **Shah Alam**, Pengerusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani Selangor, Zaidy Abdul Talib, berkata bekalan air kepada

337,000 akaun pengguna di 434 kawasan di empat daerah yang terjejas, sudah pulih sebanyak 56 peratus sehingga jam 5 petang semalam.

Katanya, usaha untuk memulihkan bekalan air ke kawasan Hulu Langat, Kuala Langat, Petaling dan Sepang yang terjejas memerlukan sedikit masa kerana ia memabitkan jumlah pengguna yang ramai.

Tingkat paras kolam

“Ketika ini, kerja meningkatkan paras kolam terbabit dan penyelesaian agihan air bagi mempercepatkan proses pemulihan bekalan sedang giat dilaksanakan.

“Lori tangki masih digerakkan dengan keutamaan kepada pengguna kritikal dan kecemasan. Segala usaha dan tenaga sedang digerakkan untuk memastikan masalah ini dapat diatasi dalam kadar segera,” katanya ketika dihubungi.

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.




Bahan cemar dari Sungai Lalang ini kemudian mengalir ke Sungai Semenyih yang menyebabkan berlaku masalah di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih yang terpaksa ditutup tiga kali”

Amin Lin Abdullah,
Ketua Jabatan Komunikasi
Korporat Kumpulan
Air Selangor

Headline	Isu bekalan air bersih sudah tahap kritikal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	250 cm ²
Journalist	PROF EMERITUS DATUK DR IBRAHIM	AdValue	RM 8,618
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,853



Isu bekalan air bersih sudah tahap kritikal



Isu air bersih yang turut meliputi hal berkenaan keselamatan air di Malaysia, terutama di bandar besar dan kawasan pembangunan, telah sampai tahap kritikal berikutan laporan terbaru mengenai permasalahan air di negeri Selangor.

Masalah air terbaru itu menjejaskan 1.3 juta penduduk negeri meliputi Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang manakala tinjauan mendapati penduduk terputus bekalan air sejak empat hari lalu dan ada yang tidak mendapat bekalan secukupnya.

Sehubungan itu, permasalahan ini tidak boleh diselesaikan dengan cara biasa. Ia perlu dilihat daripada perspektif 'keselamatan negara'. Pada masa sama, pendekatan penyelesaian tidak boleh lagi disandarkan kepada 'kuasa politik atau kuasa perniagaan'.

Dua komponen penting mengenai isu air ialah bekalan (yang merujuk kepada sumber air) dan agihan (pengurusan bekalan air). Dalam konteks bekalan, perkara ini perlu dilihat daripada perspektif negara, bukannya negeri.

Sistem sungai

Ini kerana sumber air berkait rapat dengan topografi dan geologi iaitu sistem sungai dan akuifer bawah tanah. Jadi, ia melampaui sempadan negeri. Selain itu, kita perlu sedar bahawa ada negeri banyak air dan ada negeri kurang air.

Bekalan air dan simpanan bekalan air perlu diberikan perhatian tinggi. Kita perlu pelbagaikan sumber - air permukaan dan air bawah tanah.

Cara simpanan juga perlu dipelbagaikan - empangan (permukaan) dan takungan (bawah tanah).

Saya pernah maklumkan kepada Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan beberapa kerajaan negeri mengenai perkara ini. Saya berpendapat, inilah masa yang sesuai untuk meneroka air tanah secara bersungguh-sungguh, sebelum terlambat.

Secara tradisi, sumber air di Malaysia dan negara membangun di kawasan tropika, terdiri daripada air permukaan (hujan) yang dikumpul di sungai dan empangan. Ini adalah cara yang mudah dan murah untuk mendapatkan bekalan air.

Cuma, masalah air permukaan memang banyak termasuk kemarau yang menyebabkan bekalan tak mencukupi; empangan mengalami perlodakan menyebabkan simpanan air mengecil dan sering berhadapan dengan pencemaran.

Faktor inilah yang sering berlaku di negara kita. Hanya sekitar lima peratus air bersih disimpan di sungai atau empangan; 95 peratus lagi tersimpan di bawah tanah (dalam akuifer atau ruang dalam tanah dan batuan di bawah permukaan).

Air perigi

Air perigi adalah contoh air bawah tanah. Ada dua bentuk akuifer. Satu yang berada dekat dengan permukaan dan satu lagi jauh di dalam bumi (jaraknya lebih 500m).

Pada masa ini, kita telah meneroka air tanah dekat permukaan secara terhad selain kurang lima peratus daripada sumber bekalan air masih belum diurus dengan sebaiknya.

Atas sebab itulah, kita kini berpeluang untuk meneroka air di ruang akuifer dalam yang tersimpan lebih banyak air serta berada dalam keadaan tidak tercemar.

Inilah sebenarnya sumber air masa depan negara. Tambahan lagi, perlu dinyatakan bahawa di kebanyakan negara maju, lebih 30 peratus bekalan air mereka datangnya daripada air bawah tanah.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Economic Planning Unit (EPU) (Economic Planning Unit)	1	0	RM 0
Universiti Malaysia Terengganu (Universiti Malaysia Terengganu)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	1,000 penduduk bimbang tanah flet mendap		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	28	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	485 cm ²
Journalist	Wan Nur Faliqha Wan Hazani	AdValue	RM 16,718
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,155



1,000 penduduk bimbang tanah flet mendap

➔ Dakwa tiada tindakan walaupun sudah mengadu

Oleh Wan Nur Faliqha Wan Hazani

bhnews@bh.com.my

► Sungai Buloh

Kira-kira 1,000 penduduk flet kos rendah Bandar Putra Rahman (BPR) 10 hidup dalam kebimbangan berikutan pelbagai masalah dihadapi berkaitan kediaman.

Paling dikhuatiri ialah pemendapan tanah di bawah rumah, keretakan dinding dan paip tersumbat.

Seorang kakitangan kerajaan, Rahim Razali, 36, yang menetap di kawasan itu sejak empat tahun lalu, mulai gusar apabila mendapati tanah mendap di belakang rumahnya semakin besar.

Ketika mula pindah ke kawasan itu, katanya, saiz mendapan itu kecil dan tidak kelihatan membimbangkan.

“Bagaimanapun, keadaan se-

makin teruk dari hari ke hari hingga rekahan di bawah rumah boleh dilihat.

“Paip juga sering tersumbat dan menyukarkan kehidupan harian penduduk.

“Pokok besar di belakang rumah saya turut mendatangkan masalah kerana dahannya sudah menimpa rumah,” katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sijil duduki sementara

Rahim berkata, penduduk mendakwa hanya diberi sijil menduduki sementara daripada pihak pemaju dan tempohnya sudah berakhir.

Apabila meminta sijil tetap dikeluarkan, katanya, pemaju mendakwa akan menghubungi penduduk tetapi tiada maklum balas diterima sehingga kini.

Roselina Jamludin, 34, bersama penduduk lain mendakwa sudah membuat aduan

pada pihak bertanggungjawab sejak dua tahun lalu namun tiada tindakan diambil.

“Kami ada memaklumkan perkara ini kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Jaras, Khairuddin Othman.

“Mereka datang, ambil keterangan dan gambar serta berjanji akan menghubungi kami untuk tindakan lanjutan tetapi keadaan masih sama,” katanya.

Mohd Salim Nizam, 46, berkata flet di belakang kawasan itu juga hampir enam tahun terbiar tidak berpenghuni.

“Kami tertanya-tanya mengapa blok belakang tidak berpenghuni tetapi dipagari zink.

“Keadaan itu menyebabkan ia menjadi sarang kegiatan tidak bermoral termasuk penagihan dadah, manakala kes kecurian kepala paip dan bekalan elektrik turut berlaku,” katanya.



Mereka datang, ambil keterangan dan gambar serta berjanji akan menghubungi kami untuk tindakan lanjutan tetapi keadaan masih sama”

Roselina Jamludin,
Penduduk

Headline	1,000 penduduk bimbang tanah flet mendap		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	28	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	485 cm ²
Journalist	Wan Nur Faliqha Wan Hazani	AdValue	RM 16,718
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,155



[FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

Roselina (kiri) meninjau mendapan tanah yang berlaku pada blok bangunan Rumah Pangsa Kos Rendah Bukit Rahman Putra di Sungai Buloh.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Government Employees (Government Employees)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

200 gotong-royong bersih 'lubuk' aedes

Klang: Gusar dengan penyebaran virus Zika menyebabkan penduduk di kawasan perumahan Lotus Violet, di sini, mengambil inisiatif mengadakan gotong-royong bagi meningkatkan tahap kebersihan sekitar kediaman masing-masing.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga, Sharizam Saleh berkata, program diadakan semalam itu disertai 200 penduduk dan mendapat kerjasama Jabatan Perpaduan Negara & Integrasi Nasional, Jabatan Bomba & Penyelamat, Jabatan Alam Sekitar, Majlis Perbandaran Klang dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd.

"Sejak mendapat tahu ada

penduduk Taman Botani disahkan dijangkiti virus Zika, kami mengambil inisiatif melakukan pembersihan.

"Sambutan yang diterima amat baik apabila penduduk turut sama menjayakan gotong-royong membersihkan sampah-sarap dan semak-samun yang ada di sekeliling kawasan, selain turut membersihkan parit dan longkang," katanya ketika ditemui.

Menurut Sharizam, penduduk turut lega dan mengahargai tindakan pantas pihak berkuasa tempatan (PBT) yang turut bekerjasama menjalankan pembersihan di kawasan perumahan berkenaan.



PENDUDUK bergotong-royong hapuskan tempat pembiakan aedes.



ANGGOTA bomba turut membantu dalam program gotong-royong itu.

Susahnya tiada air

Hayati Ibrahim dan
Nursyahira Marzuki
am@hmetro.com.my

Gangguan bekalan air di beberapa kawasan di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini belum pulih sepenuhnya, sekali gus menjejaskan rutin harian penduduk dan premis perniagaan.

Difahamkan, beberapa lokasi di Presint 11, Presint 9 dan Presint 15 masih mengalami gangguan bekalan air walaupun Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) memaklumkan proses pemulihan bekalan sedang dijalankan.

Jika ada bekalan air pun, penduduk berdepan masalah kualiti air berkeladak dan bau kurang menyenangkan.

Seorang penduduk, Noor Haznee Abu Kasim, 36, berkata, sejak tiga hari lalu warna air di rumahnya mula berubah kekuningan, malah lebih teruk lagi apabila kawasan perumahannya ter-

putus bekalan air bermula petang semalam.

“Sebelum ini air masih ada, tetapi petang semalam terus tiada air walaupun setitik...nasib baik saya sempat menyimpan bekalan air bersih dan kini hanya bergantung kepada air terbabit untuk menjalani rutin harian.

“Lebih membimbangkan, simpanan air sedia ada mungkin dapat bertahan selama dua hari atau kurang daripada itu kerana saya menngasuh anak jiran dan memerlukan penggunaan air yang agak banyak,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Katanya, dia berharap pihak bertanggungjawab menyediakan lori tangki air bagi menyalurkan bekalan air bersih kepada penduduk di sekitar kawasan terutama di kawasan yang terputus bekalan air.

Sementara itu, Syatira Zainol Abidin, 30, berkata, gangguan bekalan air yang berlaku sejak Jumaat lalu membuatkan dia lebih berhati-hati dan hanya membeli bekalan air bersih dari pasar raya untuk minum.

“Sehingga hari ini, air di kawasan saya di Presint 9 masih ada namun kualiti air agak keruh berbanding sebelum ini, malah saya dan penduduk lain dinasihatkan untuk menyimpan beberapa baldi air sebagai persediaan sekiranya air tiada.

“Malah, saya juga menerima pesanan daripada pihak sekolah melalui aplikasi WhatsApp supaya membekalkan sekurang-kurangnya satu botol air mineral kepada anak bermula hari ini kerana sekolah turut mengalami masalah sama,” katanya.

Seorang pengusaha restoran di Presint 8 Abdul Kaber

Abdul Rahman, 43 berkata, sejak Jumaat, air di restorannya kuning dan berbau menyebabkan dia mengambil keputusan memasang penapis air selepas mendapat aduan daripada pelanggan.

“Ada pelanggan yang mengadu air minuman termasuk teh tarik yang dipesan berbau agak berlainan seperti biasa walaupun bau air sudah mula berkurangan, tetapi berkeladak menyebabkan saya terpaksa membeli stok air mineral selain mengambil air simpanan dalam tangki di rumah.

“Malah, saya juga tidak keberatan melabur RM1,000 untuk memasang penapis air di premis ini bagi memastikan kebersihan dan kualiti makanan serta minuman terjamin, selain mengelakkan perniagaan terjejas,” katanya

“
Malah, saya juga tidak keberatan melabur RM1,000 untuk memasang penapis air di premis ini bagi memastikan kebersihan dan kualiti makanan serta minuman terjamin, selain mengelakkan perniagaan terjejas dalam tangki di rumah”
Abdul Kaber Abdul Rahman

Berusaha beri bekalan

Semenyih: Sanggup berbaris sepanjang hampir 50 meter sambil membawa baldi dan tong plastik dalam cuaca panas untuk mendapatkan bekalan air bersih.

Itu gambaran terhadap kepayahan dialami ribuan penghuni pangsapuri Baiduri, Bandar Tasik Kesuma Fasa Enam di sini, ketika mahu mendapatkan air dari jentera bomba semalam.

Difahamkan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat (JPBM) berusaha memberikan bantuan ekoran gangguan bekalan air yang berlaku sejak Khamis, lalu.

>> **Sekolah sekitar Putrajaya turut mengalami gangguan bekalan air**

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Headline	Bersabar tadah air		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	10,11	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1448 cm ²
Journalist	Garret Dawum	AdValue	RM 56,824
Frequency	Daily	PR Value	RM 170,472



ORANG ramai mengambil air dari lori tangki di USJ 4/4D, Subang Jaya.

BERSABAR TADAH AIR

■ 300,000 penduduk terjejas berikutan bekalan air Sungai Semenyih tercemar

Garret Dawum
garret@hmetro.com.my

Hulu Langat

Gerai menjual makanan dan minuman tetap dibuka dan perniagaan dijalankan seperti biasa walaupun berlaku gangguan air di beberapa daerah di Selangor akibat penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih pada Khamis lalu.

Ia susulan pencemaran bau tidak dikenal pasti berukuran sangat tinggi di Sungai Semenyih dan LRA ditutup sebanyak tiga kali dengan kali terakhir pada 9.15 pagi kelmarin.

Tinjauan Harian Metro di daerah Hulu Langat mendapati rata-rata peniaga menyatakan kekesalan tetapi terpaksa menjalankan operasi gerai demi mencari rezeki.

Peniaga kuih-muih, Siti Salwana Razak, 46, berkata, masalah air yang berlaku bukan benda baru dan bekalan air yang diperolehi tidak mencukupi.

"Air ada cuma sikit saja. Hari Jumaat lalu air tidak ada langsung. Apa boleh buat, ada atau tidak bekalan air, saya terpaksa berniaga untuk cari rezeki.

"Kalau air tidak ada, saya ambil inisiatif untuk mendapatkannya dari rumah

saudara-mara terdekat," katanya.

Seorang lagi peniaga air, Abdullah Ismail, 53, berkata, masalah air yang tidak berkesudahan diharap berakhir agar dapat membantu peniaga seperti ini menjalankan rutin harian.

"Saya minta perkara itu tidak berulang. Selesaikan segera masalah air yang berlaku.

"Ini saja cara kami mencari pendapatan. Biarlah kami berniaga dengan senang hati dan tidak dibeban," katanya.

Selain Hulu Langat, daerah yang mengalami masalah air ialah Petaling, Kuala Langat dan Sepang sehingga menjejaskan lebih 300,000 keluarga yang mendiami daerah terbabit.

Di Bangi, penduduk Mohd Noor Zaidan Mohd

Zain, 29, berkata, keluarganya menghadapi masalah air sejak Jumaat lalu.

"Sekarang sudah ada air tetapi tekanan sangat rendah. Situasi ini menyusahkan ibu saya untuk menjalankan rutin harian seperti memasak. "Terpaksalah berjimat-cermat dan untuk menyenangkan diri, kami menadah air di dalam baldi," katanya.

Seorang lagi penduduk, S Logeswaran,

33, berkata, kawasannya mengalami masalah air selama lapan jam pada Jumaat lalu.

"Air tiada ketika ramai yang bersiap untuk pergi bekerja pada jam 7 pagi. Sudah tentu keadaan ini memberi kesukaran.

"Kami juga tidak dimaklumkan berkenaan masalah itu. Apabila hubungi

pihak berkenaan, mereka juga memberitahu berlaku pencemaran," katanya.



Headline	Bersabar tadah air		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	10,11	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1448 cm ²
Journalist	Garret Dawum	AdValue	RM 56,824
Frequency	Daily	PR Value	RM 170,472

**>>LRA Sungai Semenyih ditutup
sebanyak tiga kali sejak Khamis lalu**

Headline	Bersabar tadah air		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	10,11	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1448 cm²
Journalist	Garret Dawum	AdValue	RM 56,824
Frequency	Daily	PR Value	RM 170,472



Headline	Bersabar tadah air		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	10,11	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	1448 cm ²
Journalist	Garret Dawum	AdValue	RM 56,824
Frequency	Daily	PR Value	RM 170,472



Headline	Red Giants fokus Piala Malaysia		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	1,270,667
Page No	59	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	237 cm ²
Journalist	firdaus hashim	AdValue	RM 9,336
Frequency	Daily	PR Value	RM 28,009



Firdaus Hashim
firdaushashim@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Meskipun tewas kepada Perak pada aksi Liga Super malam kelmarin, situasi itu langsung tidak mengusarkan pengendali Selangor, K Gunalan apabila pasukannya bertemu T-Team pada separuh akhir pertama Piala Malaysia di Stadium Shah Alam, Sabtu ini.

Baginya, kekalahan tipis 0-1 itu tidak menggambarkan kelemahan sebenar pasukannya dan percaya anak didiknya berada di landasan tepat untuk mempertahankan trofi itu buat kali ke-34 musim ini.

Bagaimanapun, bekas pertahanan Selangor itu mengakui pemainnya gagal mengekalkan rentak sama ketika membenam cabaran PKNS pada suku akhir Piala Malaysia tempoh hari.

“Bagi perlawanan ini, saya melakukan perubahan dengan menurunkan pemain seperti Fitri Shazwan dan Raimi Mohd Nor yang sudah lama tidak beraksi.

“Nampak corak permainan kami tidak menjadi sejak separuh masa pertama



REAKSI kecewa pemain Selangor selepas tumpas 0-1 kepada Perak.

lagi apabila 15 minit awal kami tidak begitu agresif untuk mendapatkan gol.

“Begitupun, saya tidak risau kerana yakin pemain akan bangkit semula bertemu T-Team kerana mereka tahu betapa mustahak perlawanan separuh akhir per-

tama di tempat sendiri,” katanya pada sidang media selepas aksi, kelmarin.

Jelas Gunalan, beliau akan bersemuka dengan pemain bagi menaikkan semula motivasi pasukan menjelang aksi getir menentang skuad kendalian Rahmad Darma-

wan itu.

“Pemain sendiri tahu apa tanggungjawab mereka dan sebagai jurulatih, saya akan cuba memberikan motivasi terbaik buat mereka bagi mempamerkan persembahan baik biarpun kami tewas malam ini,” katanya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup)	2	0	RM 0
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



SEORANG warga emas mengangkat air untuk kegunaan seisi keluarga.

Headline	Sungai Semenyih Kenal pasti pencemar		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	11	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	323 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 12,724
Frequency	Daily	PR Value	RM 38,173



Kenal pasti pencemar Sungai Semenyih

Putrajaya: Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) sedang melakukan siasatan terperinci untuk mengenalpasti 'dalang' penyebab pencemaran di sepanjang Sungai Semenyih sehingga menjejaskan 337,000 akaun pengguna di empat daerah Hulu Langat, Kuala Langat, Petaling dan Sepang sejak Jumaat lalu.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor Amin Lin Abdullah berkata, siasatan dilakukan dengan kerjasama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang mempunyai lebih kuasa untuk mengambil tindakan.

"Siasatan sudah dijalankan sejak 22 September lagi sebaik sahaja pihak kami mengesan pencemaran berlaku di sungai berkenaan.

"Siasatan awal mengesan satu punca pencemaran dari Sungai Lalang di kawasan perindustrian Hi-Tech Semenyih, dan sampel air dari kawasan itu sedang diuji untuk mengenal pasti kandungan bahan cemar," katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini, semalam.

Amin berkata, pihaknya masih tidak dapat mengesahkan sama ada pencemaran itu dilakukan secara sengaja atau berlaku kebocoran tanpa disedari sehingga siasatan selesai dijalankan.

"Kami sedar pencemaran kerap berlaku di sepanjang Sungai Semenyih. Jadi, siasatan lebih meluas perlu dilakukan untuk mengenalpasti pencemar, sebelum mengambil tindakan undang-undang terhadap mereka.

"Ini kerana, tindakan mereka menyebabkan bekalan air terganggu dan ramai pengguna menerima akibat daripada perbuatan tidak bertanggungjawab itu," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, bekalan air kepada 337,000 akaun



CARLOS Basri, 52, menunjukkan perbezaan warna air yang diterima penduduk di kawasan Putrajaya.

pengguna di empat daerah terbabit pulih secara berperingkat mulai semalam.

Bagaimanapun, katanya, proses pemulihan bekalan air ini mengambil masa kerana membabitkan penyaluran dan agihan bekalan ke kawasan yang luas dan jumlah pengguna yang ramai.

"Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih sudah mula beroperasi sejak jam 2.30 petang kelmarin, selepas kerja membersihkan pencemaran dilakukan.

"Jadi, sebahagian kawasan sudah menerima bekalan air, manakala sebahagian lagi mungkin belum terima... Kami berharap pengguna bersabar kerana kami sedang giat melaksanakan proses meningkatkan paras air kolam terbabit bagi mempercepatkan pemulihan bekalan kepada pengguna," katanya.

Amin berkata, pengguna yang

memerlukan bekalan air boleh menghubungi talian bebas tol 1-800-88-5252 atau menggunakan aplikasi telefon bimbit pintar 'mySYABAS' dan www.syabas.com.my dengan menghantar maklumat mengenai kawasan terbabit.

Kawasan yang sedang mengalami gangguan bekalan air sementara ketika ini adalah daerah Hulu Langat meliputi Bangi, Bandar Bukit Mahkota, Kajang, Semenyih dan Rinching; daerah Kuala Langat meliputi Morib, Banting, Bandar Saujana Putra, Bandar Rimbau dan Telok Panglima Garang.

Sementara daerah Petaling termasuk mereka yang tinggal di USJ 1-27, Puchong, Seri Kembangan dan Serdang manakala daerah Sepang meliputi Putrajaya, Cyberjaya, Bandar Nusa Putra, Putra Heights, Pulau Meranti, Kota Warisan, Bandar Bukit Puchong dan Sungai Merab.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Cyberview Sdn Bhd (Cyberjaya Malaysia)	1	0	RM 0
IJM Land Berhad (Bandar Rimbayu)	1	0	RM 0
LBS Bina Group Berhad (Bandar Saujana Putra)	1	0	RM 0
Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syarikat Bekalan Air Selangor)	13	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Punca pencemaran LRA Sungai Semenyih sedang dikesan

KUALA LUMPUR - Siasatan untuk mengesan punca utama pencemaran di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih masih sedang dijalankan di kawasan Hi-Tech Semenyih.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor, Amin Lin Abdullah berkata, penyiasatan untuk mengenal pasti punca pencemaran itu sedang dilaksanakan bersama Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

"Sehingga kini, Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. (Syabas), LUAS dan JAS sedang menumpukan siasatan di kawasan Hi-Tech Semenyih," katanya menerusi aplikasi WhatsApp di sini semalam.

Semalam *Kosmo!* Ahad melaporkan LRA Sungai Semenyih terpaksa ditutup pada Jumaat lalu bermula pukul 1.30 petang sebelum dibuka semula pada pukul 2.30 petang kelmarin ekoran pencemaran Sungai Semenyih yang dipercayai berpunca daripada sebuah kawasan perindustrian di Sungai Lalang.

Penutupan loji air tersebut telah menjejaskan bekalan air di daerah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang.

Mengulas lanjut, Amin Lin memberitahu, sehingga petang semalam, hampir 50 peratus daripada kawasan terlibat telah



KERATAN *Kosmo!* semalam.



AMIN LIN



HAFIZAN

mendapat bekalan air.

"Bekalan air ke kawasan terlibat akan pulih secara berperingkat dan Syabas akan terus menghantar bekalan air ke premis yang memerlukan bantuan," ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Institut Penyelidikan Alam Sekitar Pantai Timur, Universiti Sultan Zainal Abidin, Prof. Madya Dr. Hafizan Juahir berkata, pencemaran air Sungai Semenyih yang berlaku disebabkan pembangunan pesat di kawasan itu.

"Pencemaran sisa pepejal dan kimia terutamanya daripada kawasan perindustrian yang tidak dikawal menyebabkan Sungai Semenyih tercemar.

"Keadaan ini diburukkan lagi dengan kurangnya penguatkuasaan," katanya kepada *Kosmo!*.

Selain itu, Hafizan berkata, sumber air yang tercemar boleh mengakibatkan pelbagai penyakit seperti gatal-gatal pada kulit, pedih mata dan sakit perut apabila di minum oleh orang ramai.

Khalid mahu pemain Selangor tampil

Oleh AHMAD FAZLI MOHD. YADI

PARA pemain Selangor yang didakwa dipergunakan oleh pihak tertentu untuk menurunkan tandatangan bagi menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Datuk Seri Mohamed Azmin Ali harus mengemukakan laporan rasmi kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM).

Demikian tegas legenda bola sepak negara, Khalid Ali baru-baru ini.

Menurut Khalid, pemain terbabit harus tampil ke hadapan sekiranya dakwaan tersebut betul-betul wujud.

"Budaya tersebut sangat menyedihkan, malah ia turut memberikan impak teruk terhadap reputasi bola sepak Selangor yang sebelum ini diangkat menjadi salah sebuah pasukan yang memiliki sejarah terbaik pada Liga Malaysia.

"Pemain-pemain Selangor harus berani mengemukakan laporan rasmi kepada FAM kerana perbuatan itu tidak terkandung dalam kontrak yang mereka, lagipun para pemain tiada kaitan dengan urusan pentadbiran persatuan.

"Laporkan sahaja kepada FAM kerana perbuatan itu adalah bertentangan dengan kontrak mereka sebagai pemain. Kenapa perlu menandatangani memorandum yang tidak masuk akal? Perbuatan itu adalah salah.

"Malah, individu yang mengheret pemain dalam masalah seperti ini boleh diambil tindakan kerana mengesyorkan pilihan (menyatakan sokongan terhadap kepimpinan Azmin selain menyatakan sokongan terhadap penswastakan FAS).

"Saya tidak fikir Menteri Besar Selangor (Azmin) ada kaitan dalam hal ini tetapi ia mungkin melibatkan pegawai-pegawai tertentu sahaja. Ini kerana orang mencadangkan perkara sebegini, pemain sepatutnya tidak terlibat.

"Saya juga terkejut wujud satu dakwaan mengenai ugutan dibuat untuk menggugurkan (bekas jurulatih) Zainal Abidin Hassan. Perkara ini sangat serius dan saya berharap pemain-pemain harus melaporkan kepada badan berkenaan sekiranya benar dakwaan ini berlaku," kata Khalid ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Dalam perkembangan sama, Khalid juga mempersoalkan kewujudan syarikat Red Giant Sdn. Bhd. yang dikatakan sedang dalam proses untuk menswastakan FAS.

"Saya berpendapat Red Giant Sdn. Bhd. akan menjadi satu *conflict of interest*. Mengapa nama pegawai lain memiliki saham dalam syarikat terbabit, bukannya Menteri Besar Selangor sendiri. Secara tidak langsung ia memberikan nama kurang baik kepada Menteri Besar Selangor. Ini satu 'permainan' yang kurang baik untuk sukan bola sepak," katanya lagi.

Hantarkan mesej, pendapat, aduan, mencari kenalan terpisah, ucapan hari jadi dan mudah anda menggunakan aplikasi WhatsApp ke **019-681 3086**

KOMEN PILIHAN

- **PENGAMBIL** makanan yang sihat perlu dititikberatkan dalam kehidupan seharian pada masa kini kerana jika tidak menjaga kesihatan mulai sekarang pasti akan mengundang padah. Contohnya apa yang terjadi kepada seorang lelaki di Sibu, Sarawak yang berat badannya naik mendadak sehingga 150 kilogram (kg) dalam tempoh dua tahun. >**PRIHATIN**
- **ELAK** melawat atau melancong ke luar negara yang mempunyai potensi terdapatnya virus Zika. Ikut segala arahan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia agar tidak dijangkiti kerana ia boleh mengundang maut. >**AMINA**
- **HATI-HATI** agar tidak terpengaruh dengan dakwat militan Daesh kerana bukan sahaja melibatkan rakyat tempatan tetapi juga warga asing. Bimbang penularannya mengundang musibah kepada negara. >**TAKUT**

UMUM

- **KEPULANGAN** atlet Paralimpik Rio 2016 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang Jumaat lalu disambut meriah menunjukkan betapa rakyat Malaysia menanti ketibaan mereka dengan penuh semangat. >**CINTAKAN NEGARA**
- **TOLONG** berhati-hati buat para remaja sekarang kerana kes penculikan masa kini tidak mengira usia dan bangsa. >**CIK YA**
- **MOHON** orang ramai jangan sesuka hati menyebarkan sebarang video dan viralkan berkenaan apa-apa isu sehingga menyebabkan sesetengah pihak terpaksa membuat siasatan sedangkan kes itu sudah lama. >**AMINULLAH**

ISU & HAK PENGGUNA

- **SUDAH** banyak kali Loji Rawatan Air Semenyih ditutup. Ia sedikit sebanyak memberi kesan kepada penduduk di kawasan-kawasan utama seperti Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang. Minta pihak Syarikat Bekalan Air Selangor mengambil tindakan segera. >**BIMBANG**
- **MINTA** pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pantau pengawal di Taman Botani, Kuala Lumpur. Jangan ada yang tidak amanah sewaktu bekerja kerana mereka sepatutnya menjaga keselamatan pelancong dan

MADAH WHATSAPP

- **SEJAUH** mana pun kita bertolak ansur dengan orang sekalipun, tetap ada mereka yang mengatakan bahawa kita tidak pernah menjaga hatinya. >**MARS**
- **APABILA** kita mahu orang lain untuk menerima baik buruk kita, begitu juga sebaliknya kita perlu menerima kebaikan dan keburukan orang lain. >**MINT**
- **MUDAHKAN** memberi tetapi jangan biar diri mudah diperguna. Sayanglah, tetapi jangan hati kita dipermainkan. Dengarlah apa yang orang akan katakan, tetapi jangan biar diri tiada pendirian. >**ALI**
- **SENTIASA** hormati orang yang berada di sisi untuk kita, sementara orang lain tidak berbuat demikian. >**RESAH**

PEMBACA SETIA KOSMO!



KIRIMAN : NASIR HUSIN DARI SIMPANG EMPAT, PERLIS.

- Pembaca boleh berkongsi foto aktiviti menarik bersama keluarga dan rakan-rakan sambil memegang akhbar Kosmo! dengan menghantar imej melalui WhatsApp ke Kosmo! menerusi talian **019-681 3086**.

orang ramai. >**IDZZUE**

- **PIHAK** berwajib perlu bina kawasan parkir bertingkat di Flat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampang Hilir kerana terlalu banyak kenderaan penduduk di sana sehingga terpaksa menggunakan kawasan padang kanak-kanak. >**PENDUDUK**
- **KEADAAN** jalan dari Kuala Selangor ke Sekinchan, Selangor teruk. Turapan jalan yang dilakukan kontraktor tidak ada kualiti sehingga membahayakan pengguna. >**PERMATANG**
- **MOHON** pihak berkuasa memeriksa cermin di dalam tandas di pusat beli-belah Semua House, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur kerana musykil tujuan cermin diletakkan sama ada ia cermin atau sebaliknya. >**YONGMALU**

KENALAN TERPISAH

- **SAYA** ingin mencari Azizah Abdullah yang pernah tinggal di Batu 33/2 Batak Rabit, Teluk Intan, Perak pada tahun 1982 dan Ahmad Husni atau dikenali sebagai Cha. Hubungi 017-467 3543. >**ZIYAD**
- **MAHU** mencari kawan-kawan yang pernah bersekolah di Sekolah Rendah Air Panas Setapak Kuala Lumpur pada tahun 1987-1990. Hubungi 016-938 4708. >**MARAN**
- **MENJEJAKI** sahabat yang terpisah, Sarjan Zulkifli yang pernah bertugas di Kem Sungai Besi. Hubungi 017-295 4446. >**OTHMAN AYOB**
- **MENCARI** adik kembar yang terpisah sejak lahir lagi, Norazam Jelani di

Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru pada 24 Mac 1971. Alamat terakhir di Jalan Harimau, Tarom, Johor, Hubungi 017-549 1275. >**NOR AZIZAH JELANI**

SELAMAT HARI JADI

- **UCAPAN** selamat hari lahir buat Mimi yang ke-24. Jaga diri elok-elok di negara orang. Harap dapat bertemu kembali apabila pulang ke tanah air. >**MUN**
- **MENGUCAPKAN** selamat menyambut kelahiran yang ke-10 buat adik, Nu'man Rifqi. Semoga menjadi anak yang soleh dan mampu memberi cahaya kebahagiaan dalam hidup mama dan papa. >**PA**
- **SELAMAT** hari lahir kepada Siti Nuraisyah Ahmad pada bulan Oktober nanti. Semoga ikatan persahabatan kita kekal hingga ke akhir hayat. >**BFF**
- **INGIN** mengucapkan selamat hari lahir buat ayah, Abdul Murat yang tinggal di Kampung Pantai Sara, Terengganu. Semoga diberi kekuatan dan kesihatan. >**ANAKMU**

SUARA PEMBACA

Ada cerita, maklum balas atau maklumat untuk Kosmo! hubungi...

Pengarang Kosmo!
No.44, Jalan Utusan, Off Jalan Chan Sow Lin, 55200 Kuala Lumpur.

Meja Berita
e-mel: berita@kosmo.com.my
Tel: 03-9221 4001 Faks: 03-9221 8590

Johor:
No.24, Jalan Serampang, Taman Pelangi, 80500 Johor Bahru
Tel: 07-335 2254 Faks: 07-335 2187

Pulau Pinang:
No.34 Jalan Argyll, 10150 George Town, Pulau Pinang
Tel: 04-250 4917 Faks: 04-250 4916

Kedah:
No.170 & 171, Kompleks Alor Setar, Lebuhraya, Darulaman, 05100 Alor Setar
Tel: 04-733 3534 Faks: 04-733 3431

Perlis:
No.7, Jalan Jubli Perak, 01000, Kangar
Tel: 04-977 2291 Faks: 04-977 9702

Perak:
No. 208, Jalan Sultan Iskandar, 30000 Ipoh
Tel: 05-249 2528 Faks: 05-249 2521

Selangor:
No.8, Tingkat 2, Jalan Tengku Ampuan Zabedah, 9/G Seksyen 9, 40000 Shah Alam
Tel: 03-5891 1187 Faks: 03-5891 1152

Pahang:
No. 18, Bangunan LKNP, Jalan Bukit Ubi, 25200 Kuantan
Tel: 09-514 3154 Faks: 09-515 8634

Terengganu:
No.34 Pusat Niaga Paya Keladi, Jalan Masjid Zainal Abidin, 20000 Kuala Terengganu
Tel: 09-630 9721 Faks: 09-630 94345

Kelantan:
Lot Pt 155, Seksyen 9, Jalan Chen Su, 15000 Kota Bharu
Tel: 09-746 1630, 09-746 1651 Faks: 09-748 6661

Melaka:
358, Jalan Melaka Raya 4, Taman Melaka Raya, Bandar Hilir, 75000 Melaka
Tel: 06-281 1145 Faks: 06-292 6953

Negeri Sembilan:
No. 303, Taman AST, Jalan Sungai Ujong, 70200 Seremban
Tel: 06- 767 7192 Faks: 06-761 4426

Sabah:
No. 3, Lot 53, Tingkat Bawah Blok F, Jalan Singgahmata Asia City, 88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-232 503 Faks: 088-236595

Sarawak:
Parcel B7-1-6, Level 1, Block B7 City Bridge Commercial Centre Jalan Utama, 93450 Kuching
Tel: 082-349 152 Faks: 082-349 153

Ikan:
Utusan Media Sales Sdn. Bhd.
Tel: 03-7956 3355 Faks: 03-7955 5782

FOTO MENARIK HARI INI



AHLI Persatuan Bekas Polis Malaysia cawangan Negeri Sembilan bergambar kenangan semasa menyertai perbarisan Sambutan Hari Kemerdekaan ke-59 di Dataran Seremban, Negeri Sembilan baru-baru ini.

- Pembaca boleh berkongsi foto aktiviti menarik bersama keluarga dan rakan-rakan dengan menghantar imej melalui WhatsApp ke Kosmo! menerusi talian **019-681 3086**.

Hunt for water polluter

HIGH AND DRY:

Syabas narrowing search to Semenyih Hi-Tech area

HASHINI KAVISHTRI KANNAN

PUTRAJAYA

hashini@nst.com.my

SYARIKAT Bekalan Air Selangor (Syabas) Sdn Bhd is carrying out an investigation to identify the perpetrator of the contamination of Sungai Semenyih, Selangor, which had affected some 337,000 consumers in four districts since Friday.

Kumpulan Air Selangor corporate communications department head Amin Lin Abdullah said teams from Syabas, Lembaga Urus Air Selangor and the Department of Environment were involved in the investigation, and action would be taken if the person is proven guilty of causing the contamination.

"Investigations have been carried out since Sept 22, when the authorities detected the contamination, and preliminary investigations revealed that it originated from Sungai Lalang, which is in the Semenyih Hi-Tech area.

"Water samples are being tested to identify the cause of the contamination," he said yesterday.

Amin said at the moment the authorities could not ascertain whether the contamination was done on purpose or if there was a

chemical leak.

"We also observed frequent water contamination in Sungai Semenyih.

"Therefore, investigations must be carried out to identify who is responsible before legal action can be taken, as many people have suffered without water."

He said water supply was resumed in Hulu Langat, Kuala Langat, Petaling and Sepang since yesterday.

However, he said the restoration process may take time as it involved water distribution to a vast area with a large population.

"The Sungai Semenyih water treatment plant started operating at 2.30pm yesterday after a clean-up.

"Many areas have started receiving water supply. We hope residents who have yet to receive water will be patient as restoration works are underway."

Amin said consumers could contact Syabas via its toll-free line 1-800-88-5252, its smartphone application mySYABAS or visit www.syabas.com.my to lodge reports of water disruption.

The affected areas included Bangi, Bandar Bukit Mahkota, Kajang, Semenyih dan Rinching, Morib, Banting, Bandar Saujana Putra, Bandar Rimbayu and Telok Panglima Garang.

In Petaling district, the areas affected were USJ 1 to 27, Puchong, Seri Kembangan and Serdang.

In Sepang district, the affected areas included Putrajaya, Cyberjaya, Bandar Nusa Putra, Putra Heights, Pulau Meranti, Kota Warisan, Bandar Bukit Puchong and Sungai Merab.

Carlos Basri, a 52-year-old businessman who resides in Precinct 11 here said the water supply had returned to normal but it had a strong smell of chlorine.

"We only faced disruption on Friday and Saturday, and the water has returned to normal today (yesterday).

"But the strong smell of chlorine is disturbing. Even our teh tarik smelt like chlorine."

Carlos said he had notified Syabas and they had acknowledged the problem, and assured him that the smell would gradually fade.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



Residents in Subang Jaya queuing up to collect water from a tanker yesterday. Pic by Azhar Ramli

Bekalan air terputus

Empat daerah terjejas akibat penutupan loji rawatan air Sungai Semenyih

40
&
41



Sekolah vernakular: MCA gesa Azmin jawab

KUALA LUMPUR - MCA menggesa Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menjawab beberapa persoalan mengenai pendirian Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam isu sekolah vernakular.

Ini susulan kenyataan Mohamed Azmin yang menafikan dakwaan Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai bahawa Anwar menolak cadangan sekolah vernakular ketika beliau bergelar menteri pendidikan antara 1986 dan 1991.

Pengerusi Biro Keharmonian Agama, Datuk Seri Ti Lian Ker berkata, terdapat beberapa fakta dan soalan yang perlu dijawab oleh Mohamed Azmin memandangkan beliau merupakan setiausaha sulit Anwar

ketika itu.

“Bukankah dengan pengaruh Anwar dan Kementerian Pendidikan yang tidak membenarkan mana-mana sekolah vernakular dibina di atas tanah kerajaan yang dikhaskan untuk sekolah-sekolah?

“Bukankah Anwar yang telah berkeras melantik guru besar dan penolong kanan yang tidak bercakap bahasa Mandarin di sekolah-sekolah vernakular walaupun mendapat -bantahan keras daripada MCA dan pakar pendidikan? Ini adalah usaha untuk melemahkan sekolah vernakular dan telah membawa kepada ketegangan kaum yang memuncak,” katanya dalam kenyataan, semalam.

'Dekatkan hati dengan al-Quran'

KUALA LUMPUR- Untuk memulakan langkah ke arah kebaikan, ia perlu datang dari hati yang ikhlas.

Bagi Pelakon terkenal, Aida Khalida, program World Women #QuranHour adalah langkah permulaan untuk umat Islam mendekati al-Quran.

"Alhamdulillah, saya memang menunggu hari ini. Menghadiri program seperti ini akan menjadikan hati kita lebih dekat dengan al-Quran.

"Tetapi apa yang lebih penting, bukan sekadar kita menghadirkan diri sahaja, tetapi al-Quran itu perlu diamal dan dipraktikkan dalam kehidupan seharian kerana al-Quran

adalah sumber kehidupan kita," katanya.

Sementara itu, isteri Menteri Besar Selangor, Datin Seri Shamsidar Taharin berkata, World Women #QuranHour perlu diteruskan dalam usaha memartabatkan al-Quran.

"Ada antara kita yang terlalu sibuk dengan tugas harian atau mungkin sudah lama tidak membacanya. Jadi, melalui program seperti ini, ia dapat mencetuskan kembali minat terhadap al-Quran.

"Saya juga turut mengadakan aktiviti bertadabur dan khatam al-Quran di kediaman rasmi menteri besar setiap bulan," katanya.



Shamsidar (tengah) turut sama membaca al-Quran. Foto: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM.

Saran wujud pusat pendidikan di masjid

PUCHONG – Jawatankuasa masjid disarankan mewujudkan pusat pendidikan tersendiri sebagai usaha mendekati anak muda.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Pembangunan Desa dan Kampung Tradisi, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, ketika ini mereka yang mendekati masjid kebanyakannya golongan berusia.

Menurutnya, kewujudan pusat pendidikan menjadi alternatif menggalakkan anak muda mendekati diri dengan masjid.

"Hari ini kita boleh lihat golongan berusia yang ramai di masjid dan anak muda kurang.

"Saya saran wujudkan pusat pendidikan untuk anak-anak ini mengulang kaji pelajaran atau belajar secara berkumpulan dengan pemantauan jawatankuasa masjid," katanya pada Pelancaran Kelab Anak Muda Islam (Kami) Daerah Petaling di Masjid As Salam Puchong Perdana, malam kelmarin.

Beliau berkata, kewujudan pusat ilmu itu akan men-



Ahmad Yunus menyampaikan cenderahati kepada seorang Ikon Belia Kami Masjid As Salam, malam kelmarin.

dorong anak muda solat berjemaah setiap kali masuk waktu solat walaupun ketika itu mereka sedang melakukan aktiviti.

Katanya, pihaknya mahu anak muda ini fikir yang mereka boleh berpersatuan dan anjur pelbagai aktiviti di masjid.

"Kalau sedang ulang kaji mereka berhenti sekejap untuk berjemaah sebelum sambung semula. Bukan tak boleh buat dekat rumah, tapi suasana ulang kaji mungkin tak ada.

"Kalau wujudkan pusat pendidikan sebegini, lebih ramai anak muda akan ke masjid," katanya.

Waspada penipuan belian sijil premis bersih gred A

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memaklumkan terdapat kegiatan penipuan pemberian sijil premis bersih gred A kepada operator premis makanan di sekitar kawasan Petaling Jaya.

Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Zainun Zakaria berkata, pihaknya diberitahu oleh pengusaha premis makanan bahawa terdapat dua orang yang menyamar sebagai pegawai daripada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan Persekitaran MBPJ yang menawarkan sijil premis bersih gred A dengan

kadar bayaran tertentu.

"Pengusaha premis makanan dinasihatkan supaya berwaspada dan berhati-hati jika ada orang yang ingin membuat pemeriksaan di premis mereka.

"Setiap kakitangan majlis telah dilabelkan dengan kad kuasa yang tertera nama mereka dan ditandatangani oleh Datuk Bandar MBPJ.

"Tambahan pula tiada caj dikenakan untuk sijil premis bersih," katanya menerusi kenyataan.

Pemulihan dibuat berperingkat

KETUA Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor, Amin Lin Abdullah berkata, pemulihan bekalan air dibuat berperingkat di semua kawasan terlibat.

"Kawasan tinggi dan di hujung rangkaian saliran paip agihan masih belum pulih," katanya.

Sementara itu, Syabas dalam kenyataannya memaklumkan, pihaknya sedang berusaha meningkatkan bantuan penghantaran lori tangki air ke kawasan yang masih terjejas.

"Pengguna diminta bersabar atas kelewatan penghantaran kerana permintaan tinggi dan kawasan agihan yang luas selain keutamaan perlu diberikan kepada pengguna kritikal, hospital dan lain-lain.

"Syabas giat melaksanakan proses meningkatkan paras kolam terlibat dan penyelarasan agihan bagi mempercepatkan proses pemulihan bekalan kepada pengguna," katanya.

Menurutnya, proses pemulihan akan mengambil sedikit masa kerana melibat-



Penduduk Flat Baiduri Bandar Tasik Kesuma Fasa 6 beratur menunggu giliran mengambil air.

kan agihan bekalan ke kawasan terjejas yang luas dan melibatkan jumlah pengguna ramai.

"Syabas juga mohon kerjasama pengguna yang ingin mendapatkan maklumat dan status gangguan ini memuat turun aplikasi mySyabas melalui Google Playstore atau

App Store di telefon bimbit atau melayari www.syabas.com.my yang akan dikemas kini dari semasa ke semasa.

"Pada masa sama, aduan kritikal boleh disalurkan ke email puspel@syabas.com.my," katanya.

Beliau berkata, loji rawatan air itu terpaksa ditutup se-

mula akibat pencemaran yang dikesan di Sungai Semenyih, Jumaat lalu.

Siasatan awal mendapati, satu punca pencemaran dari Sungai Lalang di kawasan Hitech Semenyih dan kandungan sampel airnya diuji untuk mengenal pasti kandungan bahan cemar.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Terpaksa keluar kawasan cari air

Rutin harian penduduk terjejas sejak bekalan terputus tiga hari lalu

■ ISMADI ISMAIL

KAJANG – “Saya terpaksa pergi ke rumah adik di Nilai untuk ambil bekalan air,” luah seorang penduduk Flat Jubli Perak, Bandar Baru Bangi, Salina Harun, 45, selepas kawasan kediamannya terputus bekalan air akibat penutupan loji rawatan air Sungai Semenyih, Jumaat lalu.

Menurutnya, penduduk tidak dapat menyimpan bekalan air mencukupi disebabkan kejadian itu, malah air dari surau berdekatan juga tidak mampu menampung keperluan pengguna di kawasan berkenaan.

Berikutan itu, katanya, penduduk terpaksa keluar dari kawasan terjejas untuk mendapatkan bekalan air bersih.

“Sampai sekarang Syabas tak hantar lori tangki, flat ni ada 13 blok lima tingkat.

“Kita dah cuba hubungi tapi gagal... kita harap pihak berkenaan sediakan tangki septik untuk tampung jumlah penduduk di sini,” katanya.

Peniaga, Zakba Hassan, 54, berkata, perniagaannya terjejas disebabkan isu sama.

“Saya terpaksa ambil bekalan air di Balakong, kejadian ini bukan kali pertama, tiga atau empat hari baru

ada bekalan air.

“Kasihannya warga emas yang terpaksa angkat baldi dan tong air naik ke tingkat lima,” katanya.

Bagi Jamaluddin Jundi, 31, rutin harian penduduk mungkin terjejas

jika perkara ini tidak dapat diselesaikan secepat mungkin.

“Baju sekolah anak tak dapat dibasuh, saya harap perkara ini dapat diatasi secepat mungkin,” katanya.

Dalam pada itu, Lokman

Mohmed, 35, berkata, blok rumahnya masih mempunyai bekalan air pada masa ini.

“Cumanya, saya tak dapat tidur sebab penduduk ambil air belakang rumah jam 2 pagi,” katanya.



Jabatan Bomba dan Penyelamat menghantar bekalan air ke Flat Baiduri Bandar Tasik Kesuma Fasa 6.



Zakba terpaksa mendapatkan bekalan air di Balakong.

MPSJ roboh galeri jualan hartanah

PUCHONG – Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) akan merobohkan bangunan galeri jualan hartanah yang dibina pemaju atas tanah kerajaan di Jalan Bandar, Pusat Bandar Puchong, di sini, sejak enam tahun lalu.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, bangunan itu didapati tidak lagi selamat dari segi strukturnya dalam tempoh jangka panjang.

Menurutnya, tapak itu akan dikembalikan sebagai tanah lapang sebelum sebarang keputusan dibuat kelak.

“Bangunan sedia ada itu akan dirobohkan pada bila-bila masa saja.

“Kami akan adakan perbincangan semula jika tapak itu mahu dimajukan untuk perkara lain,” katanya.

50,000 penduduk terjejas

Berdepan masalah ketiadaan air sejak LRA Sungai Semenyih ditutup akibat pencemaran

■ NURUL FIRDAUS KHAIRI

BANTING - Hampir 50,000 penduduk di daerah Kuala Langat mengeluh berikutan berdepan masalah ketiadaan air sejak Khamis lalu.

Difahamkan, masalah timbul apabila berlaku semula pencemaran bau air sungai yang mencapai tahap 12 TON (ukuran parameter bau) dan memaksa loji rawatan air (LRA) Sungai Semenyih terpaksa ditutup semula.

Berikutan masalah itu, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menghantar lori tangki bantuan di kawasan terjejas.

Namun begitu, agihan air lori tangki tersebut agak terhad dan penduduk masih berharap agihan air sampai ke kawasan perumahan mereka.

Bagaimanapun, *Sinar Harian* difahamkan bukan semua kawasan yang terjejas

menerima bantuan itu tetapi ia berdasarkan aduan diterima dan keperluan mendesak.

Seorang penduduk di Telok Panglima Garang; Norhayati Othman, 43, berkata, dia terpaksa menghantar anak-anak ke rumah saudara untuk mandi disebabkan masalah itu.

Menurutnya, dia yang mengambil upah mengasuh anak orang terpaksa mencatu air yang ditadahnya untuk kegunaan anak-anak jagaannya.

"Mujur akak tadah air untuk minum.. Tapi taklah banyak.. Hari ni pun air dah keluar tapi setitis...setitis...bila nak

habis tadah.

"Akak harap sangat air kembali pulih dan lancar macam biasa sebab susahlah ada anak-anak kecil ni," katanya kepada *Sinar Harian*.

Bagi Rosehazyra Ismail, 50, dia mempunyai lima anak dan kesemua anaknya terpaksa dihantar ke rumah saudara di Johan Setia, Klang.

"Bila air tiada, semua kerja nak buat pun susah dan terbantut.

"Bila ada lori tangki air atau agih air minuman macam ni akak sanggup datang," katanya.



NORHAYATI



Penduduk ketika menerima agihan air mineral daripada pihak Syabas.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Saran penduduk sedia air tangki

AHLI Parlimen Kuala Langat, Abdullah Sani Abdul Hamid menyarankan penduduk menyediakan tangki simpanan air sendiri di rumah untuk kegunaan pada masa kritikal.

"Ini tak, bila tak ada air penduduk kelim-kabut...tapi jika ada tangki air simpanan mungkin boleh bantu masa kritikal seperti ini.

"Bagaimanapun, saya yakin usaha pihak Syabas dalam menyelesaikan isu air terjejas di beberapa kawasan di Selangor dapat ditangani sedikit masa lagi," katanya.

Menurutnya, pihak bertanggungjawab perlu bertindak memaklumkan kepada penduduk mengenai masalah yang berlaku.



Ahmad Yunus bersama Yusri sempat beramah mesra bersama penduduk ketika mengagihkan bantuan air.



Abdullah Sani turut mengagihkan air mineral bersama pihak pengurusan Air Selangor Wilayah Kuala Langat.

"Bila saya turun padang agih bantuan air mineral dari Syabas kepada penduduk yang terjejas, penduduk maklum air tak ada tanpa tahu sebab apa," katanya.

Dalam pada itu, pengguna diharap dapat terus bersabar sekiranya berlaku kelewatan penghantaran air tangki kerana jumlah permintaan tinggi dan kawasan agihan yang luas.

Sementara itu, Adun Sijangkang, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi yang sempat melawat kawasan terjejas lewat petang semalam, turut menyokong

sekiranya penduduk mempunyai tangki sendiri bagi menangani masalah ketiadaan air yang berlaku secara tiba-tiba.

"Kita pun tak tahu masalah pencemaran itu berpunca dari mana tapi jika diketahui ada kilang-kilang berdekatan yang menjadi punca kepada masalah ini, saya harap tindakan tegas dapat diambil," katanya.

Hadir sama, dua wakil Pegawai Khidmat Pelanggan Air Selangor Wilayah Kuala Langat, Yusri Demin dan Mohd Nazari Mokhtar.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

RM4.3j baiki ban rosak

Kerajaan negeri lulus peruntukan untuk kerja pemulihan air pasang besar

■ MUHAMMAD FAIZ SULONG

MERU – Kerajaan Selangor memperuntukkan RM4.3 juta bagi kerja-kerja pemulihan segera ban atau benteng penahan air yang terjejas akibat fenomena air pasang besar.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, peruntukan tersebut diluluskan oleh kerajaan negeri bagi kerja baik pulih dan penambahbaikan segera di beberapa kawasan yang terlibat di Selangor, baru-baru ini.

“Berkaitan isu fenomena air pasang besar ini, kita juga jangkakan pertengahan Oktober nanti akan berlaku sekali lagi fenomena yang serupa dan kerja-kerja membaiki ban yang rosak sedang giat dijalankan.

“Kita juga akan maklumkan penduduk untuk ambil langkah berjaga-jaga dan agensi kerajaan pula akan berada dalam keadaan bersedia untuk berdepan dengan pelbagai ke-



Zaidy menyampaikan insentif pertanian daripada Jabatan Pertanian kepada salah seorang daripada 27 petani dari daerah Klang.

mungkinan situasi yang bakal berlaku,” katanya ketika hadir merasmikan Hari Bertemu Pelanggan Pejabat Pertanian Daerah Klang, di sini semalam.

Pada program tahunan tersebut, Zaidy turut menyampaikan bantuan dan insentif pertanian kepada 27 usahawan tani yang terdiri daripada pelbagai kelompok bidang.

“Saya minta petani mengamalkan pertanian sihat dan sentiasa berhubung dengan jabatan pertanian

daerah bagi mendapatkan khidmat nasihat dan perkembangan terkini.

“Saya juga tertarik dan menyarankan agar golongan bandar khususnya di Selangor menceburi konsep pertanian bandar di mana amalan pertanian masih boleh dilakukan biarpun dalam keadaan ruang yang terhad bukan sahaja untuk kepentingan landskap tapi juga untuk pertanian yang boleh dimakan,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Headline	Peratusan pemulihan meningkat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Sep 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	41	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	60 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 591
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,773



Peratusan pemulihan meningkat

SEMENTARA itu, maklum balas terkini daripada Air Selangor memaklumkan, proses pemulihan bekalan di 434 kawasan terjejas termasuk di Wilayah Kuala Langat dan Sepang menunjukkan peningkatan pemulihan yang positif dan mencapai peratusan pemulihan sebanyak 56 peratus.

Pihak berkenaan sedang giat melaksanakan proses meningkatkan paras kolam-kolam terlibat dan penyelarasan agihan bagi mempercepatkan proses pemulihan bekalan kepada pengguna.

Dalam satu kenyataan, pihaknya memohon maaf dan memahami kesulitan yang dihadapi pengguna.

Proses pemulihan mengambil sedikit masa kerana melibatkan penyaluran dan agihan bekalan ke kawasan terjejas yang luas dan melibatkan jumlah pengguna yang ramai.

Dalam masa sama, lori tangki air masih terus digerakkan dengan ketutamaan kepada pengguna kritikal dan kecemasan seperti hospital dan lain-lain sehingga bekalan kembali pulih sepenuhnya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MOnly (_MOnly)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Gunalan yakin Red Giants bangkit		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	279,000
Page No	55	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	212 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,616
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,849



Gunalan yakin Red Giants bangkit

PENGENDALI sementara Selangor, K Gunalan tidak bimbang dengan prestasi tidak konsisten *The Red Giants* menjelang aksi separuh akhir pertama Piala Malaysia menentang T-Team di Stadium Shah Alam, Sabtu ini.

Ia berikutan kekalahan 0-1 kepada Perak pada kempen Liga Super kelmarin yang seterusnya menimbulkan persoalan kemampuan juara 33 kali

Pemain Selangor, Ugochukwu Ukah cuba mengekang kemaraan pemain pelawat Kenny Pallraj (kiri) pada perlawanan Liga Super di Stadium Shah Alam malam kelmarin.

itu untuk mempertahankan piala berprestij bola sepak negara berkenaan.

"Saya tidak risau kerana yakin pemain akan bangkit semula bertemu T-Team kerana mereka tahu betapa mustahak perlawanan separuh akhir pertama di tempat sendiri," katanya.

Malah, Gunalan berjanji akan menaikkan kembali motivasi pemainnya sebelum perlawanan Sabtu ini.

"Pemain sendiri tahu apa tanggungjawab mereka dan sebagai jurulatih, saya akan cuba memberikan motivasi terbaik buat mereka bagi mempamerkan persembahan baik biarpun kita tewas malam ini (kel-

marin)," katanya.

Mengenai kekalahan kepada Perak, Gunalan menyifatkan pemainnya gagal bermain corak permainan seperti kebiasaan sehingga dihukum *The Bos Gaurus*.

"Bagi perlawanan ini, saya melakukan perubahan dengan menurunkan pemain seperti Fitri Shazwan Raduwan dan Raimi Md Nor yang sudah lama tidak beraksi.

"Nampak corak permainan kita tidak menjadi sejak dari separuh masa pertama lagi apabila 15 minit awal kita tidak begitu agresif untuk mendapatkan gol," katanya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League)	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Punca pencemaran masih disiasat

KERJA-KERJA pemulihan LRA Sungai Semenyih memerlukan sedikit masa termasuk bagi mengenali pasti punca pencemaran yang berlaku.

Exco Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani, Zaidy Abdul Talib berkata, proses pemulihan bekalan air yang menjejaskan hampir 434 kawasan di Hulu Langat, Kuala Langat, Petaling dan Sepang itu menunjukkan perkembangan positif.

"Buat masa ini, punca masalah masih belum dapat dikenal pasti dan pihak teknikal sedang bertungkus-lumus di lapangan untuk kerja kenal pasti punca dan baik pulih bekalan

di loji rawatan air itu.

"Selain itu, kerja pemulihan ini turut melibatkan kerja meningkatkan paras kolam-kolam yang ada dan setakat jam 4 petang tadi (semalam), kerja-kerja pemulihan sudah mencapai tahap 56 peratus," katanya.

Difahamkan, Unit Pemantauan Sungai dengan kerjasama Lembaga Urus Air Selangor (Luas) membuat penyiasatan menyeluruh bermula insiden ini berlaku bagi mengenali pasti punca pencemara.

Setakat ini, pihak Syabas menggerakkan lori tangki bagi agihan bekalan air bersih kepada penduduk kawasan terjejas.

Jangan lengah dapat rawatan

Kebanyakan kes kematian akibat denggi berpunca daripada mangsa lewat ke hospital, klinik

■ MARLIA ZAKARIA

KLANG - Individu yang mengalami demam dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan segera di hospital atau klinik.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi berkata, kebanyakan kes kematian disebabkan denggi berpunca kerana lewat mendapatkan rawatan.

"Segera dapatkan rawatan untuk sahan sama ada denggi atau tidak. Ada 'Combo Rapid Test Kit' (kit pengesanan demam denggi) untuk mengesahkan sama ada positif atau negatif denggi.

"Kalau positif, cepat dapatkan rawatan kerana banyak kes kematian disebabkan lambat dapatkan rawatan dan tidak tahu diri dijangkiti," katanya.

Menurutnya, dalam keadaan cuaca yang tidak menentu ini, rakyat perlu lebih proaktif walaupun terdapat peningkatan terhadap kesedaran perangi denggi.

"Masalah denggi di Selangor tidak menentu kerana faktor cuaca. Jika hujan, banyak takungan air menjadi tempat pembiakan aedes.

"Walaupun begitu, tahap kesedar-

an meningkat kerana kerajaan negeri banyak anjurkan program ceramah, penerangan dan gotong-royong bersama penduduk," katanya.

Beliau berkata, tumpuan turut diberi bagi kawasan pembinaan dan mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi.

"Tumpuan serta kawalan dibuat di sesetengah kawasan terutamanya yang padat penduduk seperti flat kos rendah dan tapak pembinaan.

"Kawasan begini biasanya tiada masalah pada luaran, tapi dalamnya banyak kawasan takungan dan jentik-jentik," katanya yang turut mengesahkan tiada kes terbaru Zika dilaporkan di Selangor.

"Buat masa ni wabak Zika terkawal dan tiada kes baru dilaporkan. Kes sebelum ni pun dah sembuh.

"Apa yang penting, kita kawal aedes kerana tiada aedes, tiada denggi dan tiada Zika," katanya pada Majlis Karnival Sihat Selangor anjuran Majlis Perbandaran Klang (MPK) di Taman Rakyat, semalam.

Majlis tersebut inisiatif kerajaan negeri bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kehidupan sihat dan aktif yang mencatatkan seramai 2,000 peserta.



Daroyah (dua, kiri) merasmikan Karnival Sihat Selangor Majlis Perbandaran Klang di Taman Rakyat, Seri Andalas semalam yang turut dihadiri Adun Sri Andalas, Xavier Jayakumar (kiri) dan Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Mariah (dua, kanan).

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

DAP cuba kelirukan rakyat

KUALA LUMPUR - Pemuda Umno membidas kenyataan DAP yang cuba mengelirukan rakyat apabila mengaitkan isu persempadanan semula dengan dakwaan bahawa Pengerusi Umno Selangor, Tan Sri Noh Omar bakal dilantik sebagai menteri besar.

Exco Pemudanya, Dazma Shah Daud berkata, kenyataan Setiausaha Eksekutif (Publisiti) Kebangsaan Pemuda Sosialis DAP, Muhammad Shakir Ameer berbaur hasutan apabila meminta rakyat menentang persempadanan semula dengan alasan ia adalah agenda BN untuk melantik Noh menjadi pemimpin kerajaan tertinggi di negeri itu.

"Kerja DAP memang sinonim dengan manipulasi, hasutan dan dakwaan tidak berasas, semata-mata mahu mengelirukan rakyat demi kepentingan politik mereka.



"Saya mahu tegas kan persempadanan semula ini tiada kaitan langsung dengan agenda untuk lantik sesiapa sebagai MB (menteri besar).. Saya minta rakyat Selangor j a -

ngan mudah terpengaruh dengan propaganda DAP itu," katanya dalam satu kenyataan melalui aplikasi WhatsApp kepada *Sinar Harian*, semalam.

Dazma berkata, pembangkang terutamanya DAP sekarang ini rancak memainkan isu persempadanan semula kawasan pilihan raya dengan melemparkan pelbagai tuduhan tidak berasas sama ada terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mahu pun kerajaan.

"Sepatutnya mereka (pembangkang) guna saluran yang sah untuk membuat bantahan kerana SPR memberi tempoh yang cukup kepada semua pihak mengemukakan sebarang pandangan atau idea mengenai isu persempadanan semula ini.

"Jangan hanya tahu nak mengadu domba sana sini dengan buat macam-macam cerita tak berasas, amalkan cara berpolitik matang," katanya.

Sebelum ini, Muhamad Shakir dalam kenyataannya melalui portal Raketkini mendakwa Selangor akan melihat Noh dilantik sebagai menteri besar sekiranya cadangan persempadanan semula oleh SPR tidak dibantah sekeras-kerasnya.

Beliau memberikan persoalan kepada rakyat Selangor adakah mereka sanggup menerima Noh yang didakwa seorang pemimpin yang tidak prihatin rakyat sebagai menteri besar?

“Jangan hanya tahu nak mengadu domba sana sini dengan buat macam-macam cerita tak berasas, amalkan cara berpolitik matang.” - Dazma

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



The 1.5km elevated interchange connects Taman Puchong Utama to Taman Perindustrian Puchong Utama and Taman Maju Jaya.

Story and photo by OH ING YEEN
ingyeen@thestar.com.my

MOTORISTS can now use the elevated interchange from the Damansara-Puchong Highway (LDP) to Jalan Utama 2, Puchong Utama.

The road project, which aimed at easing congestion at the Puchong Perdana interchange and Puchong Utama/Dengkil interchanges, was opened to motorists on Saturday.

Southbound motorists can also make a right turn into Jalan Utama 2 and from Jalan Utama 2 onto the LDP.

Selangor Menteri Besar Datuk Seri Azmin Ali who opened the road last Friday said the "semi-diamond" elevated interchange that connects Taman Puchong Utama (east) to Taman Perindustrian Puchong Utama and Taman Maju Jaya (west), would benefit road users in Puchong Batu 14, Puchong

New interchange opens to traffic

It will benefit road users in Puchong Batu 14, Puchong Utama and Puchong Perdana

Utama and Puchong Perdana.

The project cost of RM28,997,559 was borne by MPSJ and 11 developers.

The developers were required under Section 8 of the Street, Drainage and Building Act 1974 (Act 133), to contribute to the infrastructure work.

The state government loaned the council RM18mil for the project.

The 1.5km elevated interchange was approved by the Malaysian Highway Authority (MHA) and works began on Feb 17, 2014 and was completed on Aug 24.

MPSJ Engineering Department

deputy director Mohd Haizi Harun said approximately 68,000 road users used the highway daily.

Watch the video
thestartv.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

320 new parking bays for LRT users in Taman Paramount

THE Taman Paramount Light Rail Transit (LRT) station now has an additional 320 parking bays, thanks to the newly-built park-and-ride facility, which began operations in July.

The facility was funded by the Transport Ministry with the Petaling Jaya City Council (MBPJ) as project manager, and is built on Tenaga Nasional Berhad (TNB) reserve land next to the LRT station.

Aside from the additional parking bays, including six spots for the disabled, the project also included building 25 additional parking spaces in a separate lot for nearby residents of the Sri Aman flats.

Kampung Tunku assemblyman Lau Weng San, who visited the new park-and-ride facility with MBPJ officials, said the area was previously a disused open space that was overgrown with bushes.

He said it was a good move by the Transport Ministry to promote LRT usage by providing more parking space for commuters.

MBPJ engineering senior assistant director Noraini Mohd Din, who was at the site visit, said the project cost RM2.29mil.

"It is also aimed at easing con-



Aside from the 320 parking bays, the project also involved 25 additional parking spaces in a separate lot for nearby residents of the Sri Aman flats. — SHAARI CHEMAT/The Star

gestion in the Section 21 Seapark and SS1 Kampung Tunku residential areas," she said, as many commuters who drove to Taman Paramount Station to ride the LRT

often left their cars parked on the road shoulder.

Lau added that over the years, residents had lodged complaints about the parking issue in the

two areas.

Noraini said other park-and-ride facilities to be built included two phases at the Taman Bahagia LRT station, and in Taman Jaya,

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



The entrance to Taman Putra Prima 8A in Puchong. One of the RA's role is to set up and maintain a gated-and-guarded community scheme in compliance with all local authority and statutory requirements.

Ensuring security services make a difference to their neighbourhood



THE FIRST thing visitors at Taman Putra Prima 8A (TPP8A), Puchong, would likely notice is the friendly and multilingual security guard captain Ramli Lee Abdullah, who heads the daytime shift.

TPP8A RA chairman Kong Kok Meng credits Ramli as a key reason for the RA having strong cooperation among its residents, and more than 95% in monetary collection for the neighbourhood's services and activities.

"It took us two to three years to educate residents on the need to pay their fees and

what it would be used for.

"Our RA was set up shortly after residents moved in about five years ago," he said, adding that the RA was operated based on his experience in running an organisation and practices observed at his previous place of residence.

Kong said the RA's three main roles were: to set up and maintain a gated-and-guarded community scheme in compliance with all local authority and statutory requirements, to monitor all infrastructure and public amenity works such as landscaping and security, as well as promoting a caring and civil society.

"Though maintenance and services such as garbage collection and landscaping are carried out by the Sepang Municipal Council (MPSepang), our RA steps in to supplement the service if the council is unable to do it,"

said Kong.

"We used to have an issue over a park that borders our neighbourhood and Taman Putra Prima 8B. That was resolved through MPSepang, and the 0.5km-long park is now a shared common facility."

While Taman Putra Prima will soon be getting its much-needed community hall, Kong said there was still the unresolved problem of the damaged Jalan Putra Prima Utara access road, which remains uneven despite the RM2.6mil spent to rebuild it several years ago.

He added that there was still a need for more amenities and services such as post office, schools, banks and petrol stations, to make the area a more self-contained township.

For details, visit TPP8A RA's blog at <https://tpp8a.com/> or email tpp8a.ra@gmail.com

Headline	Selangor residents fuming over disruption		
MediaTitle	The Star		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	338,368
Page No	4	Readership	1,032,000
Language	English	ArticleSize	263 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,236
Frequency	Daily	PR Value	RM 39,708



Selangor residents fuming over disruption

PETALING JAYA: Selangor residents are fuming over the disruption of water supply believed to have been caused by the detection of contaminants at the Sungai Semenyih water treatment plant in Dengkil.

Digital technology manager Lockman Hakeem, 45, who lives in USJ3/1, Subang Jaya, said his family had to limit their water consumption for cooking.

"My family have not taken a proper bath for three days," he said.

The situation was made worse when the water in the tank installed at his house could only last for about 24 hours.

"It's irritating. We had the same issue the week before where there was no water for three days before supply resumed. Barely two days after resumption, another disruption happens," he added.

Lockman also said only one water tanker came on Saturday to provide water for the residents.

"We understand their contamination issue. All we are asking is at least send in more tankers because my area is the furthest in the distribution area.

"They should know which area is



Water woes: A man carrying a pail of water from a water tanker at USJ 4, Subang Jaya.

vulnerable," he added.

Water supply has been restored in several areas in Subang Jaya although some residents experienced water discolouration.

Businessman Ganesha Pillai Prathapa Senan, 26, who lives in USJ3/4, said he was thankful that water supply was back after several

days of not having enough water to properly clean himself.

"The water pressure is fine but the water is not quite clear," he said.

Affected residents have also voiced their frustrations on social media.

"Friday evening till this morning (Sunday), at SS17 Subang Jaya, twice

last weekend too," said Erianty Cross.

Facebook user Edwin AuYong said his friend in USJ11, who faced water disruption since Friday claimed that there no notice of water cuts was given.

Ahmootha Ramachandran in USJ 4, Subang Jaya claimed it was the third time in one month that she had no water.

Semenyih River is the main waterway from the Semenyih dam to the treatment plant. The facility produces more than 630 million litres of water daily.

It was reported that the Semenyih Hi-Tech Industrial Park was the source of the contamination problem.

The affected districts are Hulu Langat (Bangi, Bandar Bukit Mahkota, Kajang, Semenyih and Riching); Kuala Langat (Morib, Banting, Bandar Saujana Putra, Bandar Rimbayu and Telok Panglima Garang); Petaling (USJ 1 to USJ 27, Puchong, Seri Kembangan and Serdang) and Sepang (Putrajaya, Cyberjaya, Bandar Nusa Putra, Putra Heights, Pulau Meranti, Kota Warisan, Bandar Bukit Puchong and Sungai Merab).

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Cyberview Sdn Bhd (Cyberjaya Malaysia)	1	0	RM 0
IJM Land Berhad (Bandar Rimbayu)	1	0	RM 0
LBS Bina Group Berhad (Bandar Saujana Putra)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

PETALING JAYA; Selangor residents are fuming over the disruption of water supply believed to have been caused by the detection of contaminants at the Sungai Semenyih water treatment plant in Dengkil. Digital technology manager Lockman Hakeem, 45, who lives in USJ3/1, Subang Jaya, said his family had to limit their water consumption for cooking. "My family have not taken a proper bath for three days," he said.

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Reports by JOASH EE DE SILVA, FIRDAOUS FADZIL, ASHLEY TANG and ALLISON LAI

Water supply slowly returning

Over 330,000 premises affected by shut down of plant

PETALING JAYA: Water supply is slowly returning to areas affected by the shutting down of the Sungai Semenyih water treatment plant due to contaminants.

As of yesterday, half of the affected areas in the Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat and Sepang districts have their water supply return. The other half will see a return of supply in stages.

Over 330,000 premises were affected by the water cuts.

Syabas corporate communications head Amin Lin Abdullah said the full recovery period could not be ascertained as supply from the treatment plant had to travel 50km to 100km to various water storage tanks in different locations.

"So, places located near the plant will receive water first.

"But areas located at higher ground and at the end of the supply line will be the last to receive water," he said yesterday.

He added that emergency water

Scheduled works delayed

SCHEDULED water works in Petaling and Kuala Lumpur has been postponed.

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) corporate communications head Amin Lin Abdullah said the upgrading work which would have caused water disruption from 3am on Monday to 8pm Tuesday has been postponed until further notice.

"As such, areas in Petaling and Kuala Lumpur, which were listed

supply to the affected places would continue throughout this period until the level at the water storage tanks stabilised.

Amin Lin said water tankers were working around-the-clock to distribute water to the affected areas.

The Sungai Semenyih water treatment plant resumed opera-

tion at 2.30pm on Saturday after it was shut down for the third time at 9.15am earlier due to an unidentified smell in the raw water from the river.

The first shutdown was at 5.30pm on Thursday. The second was at 1.30pm on Friday.

He said investigations to identify the source of the pollution was being

carried out with the Department of Environment and Selangor Water Management Board.

Consumers can get latest updates and details of the affected areas via "mySYABAS" smart phone application and www.syabas.com.my.

Selangor Tourism, Consumer Affairs and Environment Committee chairman Elizabeth Wong said the plant was operating at full capacity rate of 685 million litres per day.

Partial test results of the raw water samples earlier found no hazardous substances, such as sulphide, formaldehyde, selenium, anionic detergent, cyanide or mineral oil, she said.

Wong said more tests were being conducted to ensure the safety of the treated water and to identify the pollutant causing the odour.

She said stern action would be taken against the culprits who caused the contamination, adding that the state did not rule out sabotage over the incident.

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Water relief in Selangor

> Supply being restored after shutdown of treatment plant

BY **ADRIAN PHUNG**

newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Water supply in areas affected by the shutting down of the Sungai Semenyih treatment plant on Sept 22 is being restored in stages.

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) in a statement yesterday said water tankers will continue to be dispatched to affected areas until normal supply resumes.

The Sungai Semenyih water treatment plant was forced to shut down several times due to contamination in the raw water – on Sept 22 at 5.30pm, Sept 23 at 1.30pm and Sept 24 at 9.15 am.

Syabas added that the equipment replacement works to improve the water distribution system in Petaling and Kuala Lumpur, which was scheduled for tomorrow and Wednesday, have been

postponed until further notice.

As such, water supply to the areas, which were listed in the water interruption announcement earlier, will not be experiencing any water supply interruption.

Meanwhile, the Selangor state government has yet to be notified on the source of pollution that led to the shutting down of the treatment plant.

State executive councillor for Tourism, Environment, Green Technology and Consumer Affairs, Elizabeth Wong, said investigations were still in progress.

“However, initial test results of the raw water samples revealed no hazardous substances, such as sulphide,

formaldehyde, selenium, anionic detergent, cyanide and mineral oil.

“More tests are being conducted at the moment to ensure the safety of the treated water and to assist in the identification of the pollutant that caused a foul odour in the raw water,” she said in a statement.

Wong added that a river surveillance team from Syabas and Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), together with the Department of Environment, will work around the clock until the source of the pollution is identified.

“We will take stern action against the culprits behind the contamination. We are not ruling out the possibility of sabotage,” said Wong.

Consumers can get the latest updates and details of the affected areas via the “mySYABAS” smart phone application and www.syabas.com.my

Headline	Jangan ada pembangunan tepi sungai		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	106 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,114
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,342



Jangan ada pembangunan tepi sungai

KUALA LUMPUR 25 Sept. - Loji rawatan air tidak akan ditutup akibat pencemaran sekiranya tiada aktiviti pembangunan dijalankan di kawasan hulu sungai atau tadahan air.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Sekitar (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil berkata, sikap sesetengah masyarakat negara ini yang tidak prihatin dan bertamadun dengan penjagaan alam sekitar menjadi punca pencemaran itu berlaku.

“Penjagaan loji rawatan air sebenarnya senang sahaja dengan cara tidak membenarkan mana-mana pihak membuat aktiviti atau pembangunan di hulu sungai.

“Bagaimanapun, kini apa yang berlaku sebaliknya, pihak indus-

tri banyak melakukan pembangunan di kawasan hulu sungai.

Tindakan mereka ini hanya memusnahkan sungai kerana kotoran-kotoran akibat pembangunan masuk ke sungai,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Jumaat lalu, loji rawatan air Sungai Semenyih terpaksa ditutup semula akibat pencemaran yang dikesan di Sungai Semenyih.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Air Selangor, **Amin Lin Abdullah** berkata, siasatan awal mendapati punca pencemaran dari Sungai Lalang di kawasan Hitech Semenyih dan kandungan sampel airnya sedang diuji untuk mengenal pasti kandungan bahan cemar.



SHARIFFA SABRINA

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MOnly (_MOnly)	1	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Kempen Selamatkan Sungai Kita		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	9	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	118 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,332
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,997



Kempen Selamatkan Sungai Kita

KUALA LUMPUR 25 Sept. - Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam (Peka) Selangor akan menganjurkan Kempen Selamatkan Sungai Kita sempena Hari Sungai Sedunia 2016 bermula Oktober depan.

Presidennya, Sophine Tan berkata, kempen selama setahun itu memfokuskan Sungai Gombak dan akan melibatkan semua peringkat umur termasuk daripada peringkat sekolah rendah dan menengah hingga institusi pengajian tinggi.

“Sungai adalah nadi kita, dan kita tidak akan dapat hidup tanpanya. Ia merupakan sumber air utama dan tanpanya tidak mungkin kehidupan manusia dapat berkembang.

“Malangnya, sungai di negara ini tidak mendapat penjagaan dan penghormatan yang sepatutnya oleh masyarakat, terutama di kawasan bandar raya, sehingga mengakibatkan bencana seperti banjir kilat,” katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Menurutnya, antara aktiviti yang akan dijalankan bersempena kempen itu ialah taklimat mengenai kesedaran menjaga kebersihan sungai, di samping program membersihkan sungai secara bulanan.

Sophine berkata, sesuatu perlu dibuat bagi mengubah keadaan sungai di negara ini dan harus dilakukan dari peringkat akar umbi sebelum terlewat.

“Semua pihak yang berminat menyertai kempen ini boleh mendapatkan maklumat lanjut menerusi laman web kami di www.pekamalaysia.org atau menghantar e-mel di pekaselangor@gmail.com,” katanya.

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Google Inc (Google Mail (gmail))	2	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Loji Rawatan Air Semenyih ditutup ekoran pencemaran

Ramai pengguna terjejas

Oleh **AMIRUL AIMAN ANUAR**
 pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 SEPT.

SELEPAS kejadian lepaip pecah bulan lepas dan beberapa masalah lain sejak sedekad lalu, kira-kira 300,000 penduduk Semenyih sekali lagi diuji dengan isu bekalan air ekoran penutupan Loji Rawatan Air Semenyih akibat pencemaran di Sungai Semenyih.

Setiausaha Gagasan Prihatin Semenyih (GPS), **Hamdan Abu** berkata, aduan serta rintihan penduduk sekitar Semenyih ini turut dikongsi bersama penduduk di beberapa kawasan sekitar Sepang dan Kuala Langat.

Katanya, walaupun bekalan air semakin pulih sejak pagi tadi, namun masih terdapat beberapa kawasan dan taman perumahan yang belum menerima bekalan ke kediaman masing-masing lantas



HAMDAN ABU

terpaksa menanti lebih lama lagi.

“Kawasan seperti Bukit Semenyih dan Desa Kenanga di sini antara yang masih belum menerima bekalan (setakat pukul 4 petang) manakala di Taman Semenyih Indah pula bekalan yang pada paginya pulih kemudian terputus semula sejak tengah hari ini.

“Kekecewaan penduduk sudah sampai ke kemuncak apabila situasi air di sini seakan sudah boleh dikatakan sampai tahap krisis kerana kejadian putus bekalan yang berulang masih belum dapat ditangani kerajaan negeri,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Gangguan bekalan air sejak Khamis lalu menjejaskan penduduk di lebih 240 taman perumahan hingga memaksa Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas)

membuat penghantaran berulang bagi menampung permintaan bekalan air bersih.

Sementara itu, Ketua Komunikasi Korporat Pengurusan Syabas, **Amin Lin Abdullah** berkata, Loji Rawatan Air Sungai Semenyih telah beroperasi semula sejak semalam dan bekalan ke semua kawasan termasuk Semenyih akan pulih secara berperingkat.

Katanya, Syabas akan terus menyediakan bekalan air bantuan sehingga bekalan pulih seperti sedia kala bagi mana-mana kawasan yang masih terjejas dengan terus berhubung melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) kawasan kediaman ke 15300 untuk tindakan penghantaran air.

“Berhubung pencemaran air di Sungai Semenyih, Syabas melalui Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) sedang bekerjasama dengan Lembaga Urus Air Selangor dan Jabatan Alam Sekitar untuk kenal pasti punca pencemaran sejak Khamis lalu,” katanya.



SEBAHAGIAN daripada penduduk Flat Seksyen 1, Bandar Teknologi Kajang mengambil air yang dibekalkan oleh pasukan bomba dan penyelamat di Kajang, Selangor, semalam. - IHSAN ADUN SEMENYIH

Headline	Muak pencemaran Sg. Semenyih		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	12	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	239 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,767
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,301



SEBUAH jentera bomba digunakan untuk membantu agihan bekalan air bersih kepada pen penduduk di Semenyih, Selangor semalam. - GAMBAR IHSAN PEMBACA

Muak pencemaran Sg. Semenyih

SAUDARA PENGARANG,

LOJI Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih ditutup lagi pada 24 September lalu akibat pencemaran sumber air sungai sehingga menjejaskan kawasan Hulu Langat, Kuala Langat, Sepang dan Petaling.

Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. memaklumkan lori-lori tangki air telah digerakkan tetapi mengikut maklumat yang saya terima hanya ada 20 lori dapat menghantar bekalan kepada penduduk di empat kawasan tersebut.

Ini bukan kali pertama sumber air LRA tercemar sehingga menyebabkan loji ditutup dan bekalan air terputus secara mengejut kerana telah beberapa kali berlaku khususnya yang paling teruk pada 2006, 2009, 2010, 2012, 2013 dan 2015.

Jabatan Alam sekitar Selangor dilaporkan menyita dan menutup beberapa kilang tahun lalu akibat membuang sisa kimia ke Sungai Semenyih dan menyebabkan pencemaran ammonia dalam sumber air LRA Sungai Semenyih.

Kini masalah pencemaran berulang lagi dan dipercayai dilakukan kilang yang beroperasi berhampiran Sungai Semenyih dan mungkin juga kilang sama yang 'ditutup' sebelum ini.

Kami tidak terkejut jika didapati kilang sama beroperasi semula secara sah atau secara haram kerana bukan pertama kali perkara ini berlaku.

Penduduk Semenyih sudah muak dengan isu pencemaran ini kerana penguatkuasaan begitu lemah atau mungkin juga ada pihak sudah 'dibeli' pemilik kilang-kilang tersebut.

Isu utama di sini adalah pencemaran sumber air yang masih berterusan dan bukannya masalah penduduk tiada air. Jika pencemaran tidak berlaku, agihan bekalan air bersih tidak akan terjejas.

Oleh itu kami menyeru Menteri Besar Selangor melihat kembali isu pencemaran berterusan ini memandangkan exco yang bertanggungjawab dalam isu alam sekitar gagal memantau dan menguatkuasakan undang-undang seperti dijanjikan sebelum ini.

Janganlah terlalu sibuk berpolitik sehingga abaikan keperluan asas rakyat negeri sekalipun kawasan Semenyih tidak dipegang wakil rakyat sekutu Menteri Besar Selangor.

Jadi pemimpin biarlah ada hati perut dan jangan sekadar jaga kepentingan orang tertentu sahaja.

BANG NON

Semenyih, Selangor

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Jabatan Bomba Dan Penyelamat (Jabatan Bomba Dan Penyelamat)	1	0	RM 0
Menteri Besar Selangor (Menteri Besar Selangor)	5	0	RM 0

GIST(ENGLISH)

N/A

Masalah air: Penduduk kecewa, marah

HULU LANGAT 25 Sept. - Krisis air yang menjelaskan kira-kira 300,000 penduduk di 250 taman perumahan sekitar Semenyih dekat sini mencerminkan kegagalan urus tadbir sumber alam oleh kerajaan negeri Selangor.

Perkara itu ditekan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semenyih, **Datuk Johan Abdul Aziz** yang kecewa apabila mendakwa Exco kerajaan negeri bertanggungjawab tidak turun padang bagi memberi penjelasan dan mengurangkan 'kemarahan' rakyat sekitar kawasan tersebut.

Sedangkan katanya, krisis tersebut menyebabkan ramai penduduk di kawasan terjejas tidak dapat mandi beberapa hari.

"Telefon bimbit saya bertalutalu menerima panggilan daripada penduduk yang menzahirkan kecewa. Ada yang buat kenduri

kahwin terjejas, itu belum ambil kira kegunaan seharian.

"Sampai satu tahap, semasa saya tiba di kawasan terjejas dengan lori tangki air, berebut penduduk mahukan air. Sehingga anggota bomba terpaksa pancutkan air ke arah kanak-kanak seolah-olah pesta mahu bersunat untuk membersihkan badan mereka yang beberapa hari tidak mandi," katanya ketika ditemui dekat sini hari ini.

Mengulas lanjut Johan memberitahu, berikutan masalah itu, beliau terpaksa meminta bantuan Kerajaan Pusat untuk mendapatkan dua lori tangki air Jabatan Bomba dan Penyelamat bagi membantu penduduk kawasan terjejas.

"Saya memohon supaya lima lagi lori tangki bomba bergerak di sekitar kawasan terjejas untuk

menyalurkan bekalan air. Selain itu, esok saya akan beri bekalan air bersih di pejabat saya seawal pukul 10 pagi," jelas beliau.

Dalam pada itu Yang Dipertua Penduduk Bandar Teknologi Kajang, **Mohd. Sani Akiar** berkata, krisis air kali ini benar-benar menyukarkan penduduk.

"Kami hanya menerima notis gangguan setelah bekalan terputus Jumaat lalu. Kegiatan harian penduduk terjejas sehingga ada yang pergi ke lebuhraya untuk membersihkan diri," katanya.

Salah seorang penduduk, **Jamal Abdul Karim**, 50, juga mengeluh apabila terpaksa menempuh krisis air sekali lagi untuk tahun ini.

"Krisis ini sudah berlarutan sejak tahun 2014 lagi dan untuk tahun ini sahaja, sudah tiga kali kami menghadapi krisis gang-

guan bekalan air. Kami berharap pihak bertanggungjawab dapat menyediakan pelan tindakan sewajarnya supaya penduduk tidak lagi merana," ujarnya.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Krisis Air Semenyih (KAS), **Azman Ahmad** pula berharap satu penyelesaian kukuh dapat dirangka supaya tiada lagi gangguan selepas ini.

Katanya, Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) memberitahu gangguan disebabkan pencemaran sisa toksik ke dalam Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih.

"Apa yang merisaukan, ini bukan kali pertama kilang-kilang sengaja membuang sisa toksik ke dalam empangan. Kerajaan negeri perlu lebih tegas dengan mengenakan denda terhadap kilang-kilang berkenaan," katanya lagi.



SEBAHAGIAN penghuni Flat Seksyen 1, Bandar Teknologi Kajang beratur untuk mengambil bekalan air yang disediakan oleh pasukan bomba dan penyelamat di Kajang, Selangor, semalam. - IHSAN ADUN SEMENYIH

info

ISU AIR SEMENYIH 2016

- > **1 Februari** - 28 aduan gangguan bekalan diadu penduduk sepanjang Januari 2016.
- > **8 April** - Dakwaan kes curi air oleh penduduk Bandar Sunway Semenyih.
- > **1 Julai** - Bekalan air terputus tiga hari di Bandar Rinching dalam bulan Ramadan.
- > **27 Ogos** - Gangguan bekalan air tidak berjadual sekitar Hulu Langat.
- > **6 September** - Kejadian paip pecah di Jalan Sungai Jelok.
- > **22 September** - Penutupan Loji Rawatan Air Semenyih akibat pencemaran Sungai Semenyih.